

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 11 FEBRUARI 2017 (SABTU)

| Bil | Tajuk | Akhbar |
|------------|------------------------|---------------|
| 1. | Gerhana bulan penumbra | Harian Metro |

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (TENGAH) : MUKA SURAT 48
TARIKH: 11 FEBRUARI 2017 (SABTU)

Gerhana bulan penumbra

Kuala Lumpur: Rakyat Malaysia berpeluang menyaksikan sebahagian daripada fasa gerhana bulan penumbra, pagi ini.

Gerhana itu berlaku apabila bulan memasuki bayang-bayang penumbra bumi dan akan kelihatan sedikit gelap.

Unit Komunikasi Korporat Agensi Angkasa Negara (ANGKASA) dalam kenyataan berkata, gerhana bulan penumbra akan bermula jam 6.34 pagi dan berakhir jam 10.53 pagi.

"Bagaimanapun, gerhana hanya dapat disaksikan

di Malaysia sehingga jam 7.25 pagi saja kerana bulan akan terbenam ketika itu," kata kenyataan itu.

Kenyataan itu menyebut gerhana itu mungkin akan kelihatan lebih jelas dengan bantuan peralatan seperti teleskop atau binokular selain faktor cuaca sangat mempengaruhi kenampakannya.

Agensi berkenaan bagaimanapun menjelaskan pihaknya tidak menjalankan sebarang aktiviti pencerapan awam untuk orang ramai bersempena fenomena gerhana bulan penumbra itu. - BERNAMA

